

12 OCT 1998

Annuar-Poskad

KEMPEN HANTAR POSKAD UNTUK PEMIMPIN GERAK DIMULAKAN BULAN INI

KUANTAN, 12 Okt (Bernama) -- Sekumpulan sukarelawan mengambil inisiatif untuk mengadakan kempen menghantar poskad rakyat kepada para pemimpin Majlis Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia (Gerak) untuk menyatakan pendirian mereka tidak menyokong gerakan itu, mulai bulan ini.

Kumpulan itu telah menubuhkan sebuah jawatankuasa adhoc untuk menjalankan kempen itu dengan menggunakan kewangan mereka sendiri, kata Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa hari ini.

Annuar memberitahu pemberita di sini bahawa idea mengadakan kempen itu dicetuskan oleh kumpulan sukarelawan itu sendiri yang datang menemuinya baru-baru ini. Beliau bagaimanapun tidak menamakan sukarelawan berkenaan.

"Mereka bertujuan menghantar mesej kepada pemimpin Gerak supaya menghentikan perbuatan hipokrasi mereka yang jika dibiarkan akan memberi gambaran seolah-olah rakyat merestui perjuangan badan itu," kata beliau.

Annuar berkata, beberapa aktiviti yang dilaksanakan oleh Gerak merupakan tindakan untuk mengambil kesempatan daripada emosi rakyat terhadap isu tertentu bagi mengabui mata mereka.

"Rakyat akan diberi peluang untuk menyatakan rasa kesal mereka terhadap Gerak menerusi penghantaran poskad ini," katanya.

Gerak yang diterajui oleh pemimpin PAS dianggotai oleh parti pembangkang DAP dan PRM serta beberapa pertubuhan bukan kerajaan.

Annuar, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, juga berkata kesemua 200,000 anggota Umno Kelantan bersetuju menghantar poskad dan mesej kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menyatakan sokongan mereka yang tidak berbelah bahagi kepadanya.

Sementara itu di JERANTUT, lebih 2,000 anggota Umno Bahagian Jerantut berikrar pada satu majlis untuk memberi sokongan padu kepada kepimpinan Perdana Menteri. Turut hadir Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin.

Mereka juga menandatangani borang sokongan yang turut menyatakan tentangan mereka terhadap gerakan reformasi tajaan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan mengutuk sekeras-kerasnya Gerak.

Anggota Exco Pergerakan Pemuda Umno, Azizan Yaakob berkata beliau akan membawa usul pada mesyuarat Exco pergerakan itu bulan depan untuk mendapatkan pandangan kolektif bagi berhadapan dengan kumpulan Gerak.

Beliau yakin Pergerakan Pemuda Umno akan menentang Gerak secara habis-habisan bagi mempertahankan kepentingan bangsa, agama dan tanah air.

-- BERNAMA

ROS KMT NMO